ISSN 0126 - 5539
PP2509/2/2008

PERSATUAN GEOLOGI MALAYSIA

WARTA GEOLOGI

NEWSLETTER of the GEOLOGICAL SOCIETY OF MALAYSIA

Jilid 34
No. 5 & 6

SEPTEMBER–DECEMBER
2008

Volume 34
No. 5 & 6

PERSATUAN GEOLOGI MALAYSIA
GEOLOGICAL SOCIETY OF MALAYSIA

The Society was founded in 1967 with the aim of promoting the advancement of earth science particularly in Malaysia and the Southeast Asian region. The Society has a membership of about 600 earth scientists interested in Malaysian and other Southeast Asian region. The membership is worldwide in distribution.

Warta Geologi (Newsletter of the Geological Society of Malaysia) is published bimonthly by the Society. Warta Geologi covers short geological communications and original research, as well as reports on activities and news about the Society. It is distributed free-of-charge to members of the Society. Further information can be obtained from:

GEOLOGICAL SOCIETY OF MALAYSIA
c/o Department of Geology,
University of Malaya
50603 Kuala Lumpur,
MALAYSIA
Tel: 603-7957 7036   Fax: 603-7956 3900
E-mail: geologi@po.jaring.my
URL: www.gsm.org.my

Pembangunan pangkalan data tanah runtuh di sepanjang Lebuhraya Pantai Timur km 160 – km 190, Pahang

Norbert Simon[1], Juhari Mat Akhir[1], Azlikamil Napiah[2] & Tan Han Kee[1]

[1]Program Geologi, Pusat Pengajian Sains Sekitaran dan Sumber Alam,
Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor
[2]Pusat Remote Sensing Negara (MACRES), No. 13 Jalan Tun Ismail,
50480 Kuala Lumpur

Abstract— Sistem Maklumat Geografi (GIS) telah digunakan secara meluas dalam kajian tanah runtuh. Dalam kajian ini, kaedah GIS telah digunakan untuk menghasilkan peta ramalan potensi tanah runtuh dan juga digunakan sepenuhnya bagi menyediakan data untuk pangkalan data yang berfungsi untuk menyimpan hasil kajian. Keluasan kawasan kajian adalah lebih kurang 600 km^2 di sepanjang km 160 ke km 190 Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang terletak di antara dua daerah, iaitu Maran dan Kuantan, Pahang. Peta ramalan potensi tanah runtuh kawasan kajian dikelaskan kepada empat zon potensi iaitu kawasan berpotensi rendah, sederhana, tinggi dan sangat tinggi. Pangkalan Data Tanah Runtuh yang dibangunkan dengan perisian komersial (Database Management System) bukan sahaja berguna untuk ahli geologi tetapi juga untuk ahli kejuruteraan awam, perancang pembangunan dan kontraktor yang ingin mengetahui potensi bencana tanah runtuh di kawasan kajian. Data yang disimpan di dalam pangkalan data bukan sahaja terhad untuk kajian tanah runtuh tetapi boleh juga digunakan untuk bidang kajian lain seperti hidrogeologi, perancangan guna tanah, hakisan tanah dan tapak pelupusan sampah.

Development of landslide database along km 160 – km 190, East Coast Highway, Pahang

Abstract— Geographic Information System (GIS) has been widely used as an important tool to predict landslide occurrences. In this study, GIS method was used to produce a landslide potential prediction map and was fully utilize to provide data for the database to store information regarding the findings in the study area. The study area is approximately 600 km^2 and is located from km 160 to km 190 of the East Coast Highway situated between the districts of Maran and Kuantan, Pahang. The potential map of the study area was classified into four potential zones namely low, moderate, high and very high potential. The landslide database that was developed using commercial software (Database Management System) serves not only for geologist but also for civil engineers, developers, and contractors who intend to assess the landslide hazard potential of the study area. The data stored in the databases are not restricted only to landslide analysis but are also useful for other fields of research such as hydrogeology, landuse planning, soil erosion and waste disposal site location.

PENGENALAN

Negara kita sering diwarnai dengan senario kejadian tanah runtuh dan sering kali selepas kejadian tersebut, barulah siasatan dijalankan dan lazimnya selepas kejadian ini, barulah pelbagai pihak mengeluarkan pendapat masing-masing berkenaan punca kejadian tersebut.

Dalam kajian Lee & Jasmi (2005), mereka mendapati berlaku peningkatan kejadian tanah runtuh di Malaysia dan kejadian ini kebanyakkannya berlaku pada cerun potongan atau pada tambakan di sepanjang jalan raya dan lebuhraya di kawasan berbukit. Kejadian tanah runtuh menjadi masalah apabila ianya mengganggu aktiviti manusia dan mengakibatkan kerosakkan pada harta benda dan menyebabkan kehilangan nyawa (Jasmi, 2004).

Pembinaan sistem perhubungan di kawasan lemah boleh dielakkan sekiranya terdapat satu sistem yang menyimpan data dan maklumat berkenaan kajian kestabilan kawasan tersebut sebelum ini. Penyiasatan awal atau pra-penyiasatan adalah penting kerana kebanyakkan tanah runtuh dan potensi kegagalan boleh diramal dan kos pencegahan tanah runtuh lebih rendah berbanding kos untuk memulihkan atau membangunkan semula kawasan yang mengalami tanah runtuh (Rib & Ta, 1978).

Manakala Mantovani *et al.* (1996) menyatakan bahawa pendekatan paling mudah untuk pemetaan bencana tanah runtuh adalah berdasarkan kepada tinjauan fotograf udara, kerjalapangan dan sejarah tanah runtuh suatu kawasan yang diperolehi daripada pangkalan data. Menurut Dai *et al.* (2002), tanpa pangkalan data, maklumat-maklumat mengenai suatu kejadian tanah runtuh yang pernah berlaku akan hilang begitu sahaja dan rekod sejarah tanah runtuh adalah penting kerana penilaian kecenderungan tanah runtuh adalah subjektif dan memerlukan maklumat tanah runtuh yang pernah berlaku.

Kertas ini akan membincangkan kelebihan pembangunan pangkalan data tanah runtuh yang menyimpan hasil analisis dan data yang disediakan melalui kaedah Sistem Maklumat Geografi (GIS).

KAWASAN KAJIAN

Kawasan kajian terletak di sepanjang Lebuhraya Pantai Timur (LPT) iaitu di sepanjang 30km bermula dari km 160-km 190 yang terletak di daerah Maran dan Kuantan, Pahang. Keluasan kawasan kajian adalah 600 km^2. Rajah 1 menunjukkan lokasi kawasan kajian.

Kawasan kajian secara umumnya terdiri daripada batuan sedimen dan terdiri daripada Formasi Tembeling, Formasi Semantan dan Lapisan Seri Jaya. Terdapat juga batuan volkanik dan granitoid hadir di sesetengah kawasan kajian. Lebuhraya ini dipilih sebagai kawasan kajian kerana lebuhraya ini baru sahaja dibuka pada tahun 2004. Oleh itu, kajian dilakukan untuk melihat kestabilan cerun-cerun di sepanjang dan sekitar lebuhraya tersebut.

KAEDAH KAJIAN

Metodologi kajian melibatkan tiga peringat utama. Peringkat-peringkat metodologi ini saling berkaitan untuk membentuk satu pangkalan data tanah runtuh yang lengkap daripada segi data dan maklumat. Rajah 2 menunjukkan peringkat-peringkat metodologi kajian secara ringkas.

Pangkalan data yang dibangunkan mengandungi data dan hasil kajian yang diperolehi melalui kaedah GIS dan kerjalapangan. Data untuk perbandingan yang lain seperti fotograf udara dan kajian literatur diambil sebagai data sejarah tanah runtuh. Setelah semua data selesai disediakan dan diproses, pangkalan data yang menggunakan perisian komersial iaitu Microsoft Access dan Visual Basic dibangunkan. Pangkalan data dibangunkan berdasarkan lima fasa pembangunan pangkalan data yang dipetik daripada Abdullah Embong (2000). Fasa pembangunan pangkalan data ini ditunjukkan dalam Rajah 3.

HASIL ANALISIS

Hasil analisis kajian ini boleh dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu:

Hasil Kerjalapangan

Hasil daripada kerjalapangan yang dilakukan, didapati terdapat 21 lokasi tanah runtuh. Sebanyak 11 lokasi tanah runtuh dicerap di sepanjang lebuhraya manakala selebihnya terdapat di sekitar jalan raya lama kawasan kajian. Rajah 4 (a, b dan c) menunjukkan beberapa lokasi tanah runtuh yang berlaku di kawasan kajian.

Rajah 1: Peta jajaran Lebuh raya Pantai Timur (LPT) dan lokasi kajian.



Rajah 2: Peringkat-peringkat kaedah umum kajian.



Rajah 3: Carta alir proses fasa pembangunan pangkalan data tanah runtuh kajian (Dipetik dan diubahsuai daripada Abdullah Embong, 2000)



Rajah 4: Lokasi tanah runtuh yang terdapat di kawasan kajian. (a) Tanah runtuh jenis jatuhan batuan di km 165.7. (b) Tanah runtuh jenis gelongsoran tanah dan jatuhan batuan di km 170.9. (c) Tanah runtuh jenis gelongsoran tanah di jalan raya lama kawasan kajian.

Peta Potensi

Sebanyak lapan parameter faktor tanah runtuh digunakan dalam kajian ini untuk menghasilkan peta ramalan potensi tanah runtuh, iaitu litologi, guna tanah, ketumpatan lineamen, jenis tanah, zon penimbal sesar, kecuraman cerun, ketumpatan saliran dan purata hujan tahunan. Pemberat dengan julat skala daripada 10 hingga 50 digunakan untuk menunjukkan pengaruh kelas-kelas yang terdapat dalam setiap parameter kajian terhadap kejadian tanah runtuh.

Kelas dalam parameter kajian yang diberikan nilai 10 bermaksud kelas tersebut mempunyai pengaruh yang rendah terhadap kejadian tanah runtuh, manakala kelas yang diberikan nilai 50 mempunyai pengaruh yang tinggi terhadap kejadian tanah runtuh. Jadual 1 menunjukkan parameter-parameter kajian berserta dengan pemberat yang diberikan kepada setiap kelas yang terdapat dalam parameter-parameter tersebut.

Peta ramalan potensi tanah runtuh yang dihasilkan dikelaskan kepada 4 zon potensi tanah runtuh yakni Zon Potensi Rendah, Sederhana, Tinggi dan Sangat Tinggi. Rajah 5 menunjukkan peta ramalan potensi tanah runtuh yang dihasilkan untuk kawasan kajian. Berdasarkan peta ramalan potensi yang dihasilkan, didapati zon potensi sederhana meliputi 42.63% kawasan kajian dan ini diikuti oleh kawasan berpotensi tinggi (38.96%), sangat tinggi (9.36%) dan zon potensi rendah sebanyak 9.05% (Norbert *et al*., 2006). Jadual 2 menunjukkan zon-zon potensi tanah runtuh kawasan kajian yang dicirikan oleh kelas-kelas yang terdapat dalam setiap parameter yang digunakan dalam kajian.

Berdasarkan lokasi tanah runtuh yang diperolehi daripada kerjalapangan, fotograf udara dan kajian literatur, lokasi tanah runtuh tertabur paling banyak dalam zon potensi sederhana dan diikuti oleh zon potensi tinggi, sangat tinggi dan rendah. Jadual 3 menunjukkan taburan lokasi tanah runtuh dalam setiap zon potensi dalam peta ramalan potensi tanah runtuh.

Pangkalan Data

Pangkalan Data Tanah Runtuh yang dibangunkan menyimpan hasil analisis yang diperolehi daripada kaedah Sistem Maklumat Geografi (GIS). Kaedah GIS dapat meliputi kawasan yang luas dan pelbagai parameter boleh dianalisis sekaligus membolehkan pelbagai maklumat dan data yang padat dan lengkap dimuatkan di dalam pangkalan data. Pangkalan Data yang dibangunkan ini mempunyai dua bahagian utama iaitu, bar menu dan antara muka pangkalan data (Rajah 6).

Bar Menu

Bahagian ini disediakan untuk menempatkan kaitan antara parameter yang digunakan dalam kajian dengan potensi tanah runtuh, simpanan data mentah kajian dan model-model tanah runtuh yang dihasilkan untuk kawasan kajian. Selain itu, kemudahan untuk mencetak serta membuka fail-fail lain juga disediakan. Jadual 4 menunjukkan fungsi kategori item-item yang disediakan dalam bar menu Pangkalan Data Tanah Runtuh manakala Rajah 7 pula menunjukkan item-item yang disediakan dalam bar menu.

Antaramuka Pangkalan Data

Bahagian ini mengandungi lima kategori item yang dilengkapi dengan butang-butang arahan yang akan memaparkan item-item apabila ditekan. Pelbagai item-item berkenaan kawasan kajian, hasil dan perbincangan, lokasi tanah runtuh, laporan dan pandangan kawasan kajian dalam bentuk 3 dimensi disediakan dalam bahagian ini. Jadual 5 menunjukkan fungsi setiap kategori item dalam bahagian antaramuka manakala Rajah 8 menunjukkan item-item yang terdapat dalam antaramuka pangkalan data.

Ciri-ciri Lain Pangkalan Data

Laporan dalam bentuk jadual yang boleh dicetak terus dan paparan lokasi tanah runtuh dalam bentuk borang yang boleh dikemaskini merupakan antara kelebihan pangkalan data ini. Pangkalan data ini juga dilindungi dengan kata laluan untuk mengelakkan penyalahgunaan data dan maklumat yang disediakan dalam pangkalan data ini.

Di samping itu, pengaturcaraan dalam Visual Basic digunakan untuk membuat pangkalan data ini lebih menarik. Data yang disimpan dalam Pangkalan Data Tanah Runtuh ini bukan sahaja boleh digunakan untuk

Jadual 1: Parameter-parameter kajian yang digunakan dalam kajian berserta dengan pemberat yang diberikan kepada setiap kelas dalam parameter kajian.

Parameter (Faktor)	Kelas	Pemberat
Litologi	Batu Pasir	40
	Granitoid	20
	Filit, Sabak & Syal	50
	Batu Pasir, Batu Lodak dan Syal	40
	Volkanik-Perm	40
	Batu Kapur	30
Ketumpatan Lineamen	<1000 m/m^2	10
	1000 m/m^2-2000 m/m^2	20
	2000 m/m^2-3000 m/m^2	30
	3000 m/m^2-4000 m/m^2	40
	>4000 m/m^2	50
Zon Penimbal Sesar	<50 m	40
	50 m-100 m	30
	100 m -150 m	20
	>150 m	10
Ketumpatan Saliran	<1500 m/m^2	50
	1500 m/m^2-2500 m/m^2	40
	2500 m/m^2-3500 m/m^2	30
	3500 m/m^2-4500 m/m^2	20
	>4500 m/m^2	10
Kecuraman Cerun	0-5°	10
	5°-15°	20
	15°-26°	30
	26°-35°	40
	>35°	50
Purata Hujan Tahunan	<1800 mm	10
	1800 mm-2100 mm	20
	2100 mm-2400 mm	30
	2400 mm-2700 mm	40
	>2700 mm	50
Jenis Tanah	Lempung berpasir halus-lempung	40
	Lom lempung berpasir-lempung	40
	Lempung kerikil-lempung	20
	Lempung berpasir kasar-lempung	30
	Lempung-lom lempung	40
	Lom lempung berpasir halus	30
	Lempung berpasir kasar	20
	Lom lempung berpasir	30
	Lempung	50
Guna Tanah	Air	10
	Hutan	20
	Kawasan dibersihkan	40
	Paya	10
	Padang Ternak dan Rumput	30
	Perbandaran	40
	Perlombongan	40
	Pertanian	30
	Tidak diusahakan	30

kajian tanah runtuh tetapi juga boleh digunakan untuk kajian-kajian dalam bidang lain seperti hidrogeologi, pemilihan tapak pelupusan sampah dan perancangan bandar. Data kajian yang telah diseragamkan daripada segi skala dan sempadan kawasan kajian boleh digunakan terus oleh pengguna-pengguna pangkalan data yang ingin menggunakan data tersebut untuk kajian mereka di kawasan kajian yang sama.

Penerangan daripada segi teori tentang bagaimana suatu parameter kajian mempengaruhi kajian tanah runtuh turut disediakan dalam pangkalan data ini. Hasil-hasil kajian disediakan dalam bentuk ringkasan yang padat untuk pengguna melihat hasil analisis serta faktor-faktor yang boleh menyebabkan tanah runtuh di kawasan yang berbeza zon potensi.

Pangkalan data yang dibangunkan menyimpan data dalam bentuk digital untuk memudahkan pengemaskinian data sekiranya terdapat kajian terbaru di kawasan kajian dijalankan. Data dan maklumat-maklumat yang disediakan berdasarkan hasil analisis GIS akan memudahkan para pengguna seperti pemaju dan ahli jurutera untuk mengetahui kawasan yang berpotensi tinggi untuk berlakunya tanah runtuh. Ini bukan sahaja memudahkan penyiasatan dijalankan malah akan dapat mengurangkan kos dan menjimatkan masa.

Data berkenaan kawasan yang telah mengalami tanah runtuh yang disediakan dalam pangkalan data ini akan dapat membantu pihak penyelenggara lebuhraya untuk bertindak memandangkan kedudukan kawasan tersebut telah disediakan dalam pangkalan data. Ini akan memudahkan pemantauan dan kemaskini data seperti sama ada sesuatu kawasan yang mengalami tanah runtuh telah atau belum dibaiki.

Peta ramalan potensi tanah runtuh yang disediakan juga mampu membantu pemaju yang ingin membangunkan kawasan kajian. Peta potensi yang disediakan dapat membantu pemaju untuk memilih kawasan yang sesuai untuk dibangunkan dan seterusnya mengelakkan kerugian yang diakibatkan daripada membangunkan kawasan yang tidak sesuai.

KESIMPULAN

Peta ramalan potensi tanah runtuh yang dihasilkan bagi kawasan kajian boleh digunakan sebagai alat untuk pra-penyiasatan sebelum sebarang kerja-kerja pembinaan seperti sistem perhubungan di kawasan kajian pada masa hadapan.

Pangkalan data yang dibangunkan bukan sahaja dapat menyimpan data hasil kajian malah dapat mengelakkan pertindanan data kajian dan satu sistem pusat penyimpanan data dapat diwujudkan untuk memudahkan penyelidik, pemaju dan konsultan untuk mendapatkan data dan maklumat berkenaan kawasan kajian.

Selain itu, pangkalan data yang dihasilkan adalah mesra pengguna dan data yang disediakan bukan sahaja boleh digunakan dalam bidang kajian tanah runtuh tetapi juga boleh digunakan dalam bidang lain seperti hidrogeologi, pemilihan tapak pelupusan sampah dan hakisan tanah.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Abdul Ghani Rafek, pihak MACRES, semua pensyarah dan semua warga UKM yang telah membantu menjayakan projek penyelidikan ini.

Jadual 2: Perkaitan antara parameter-parameter faktor tanah runtuh yang digunakan dalam kajian dengan zon potensi tanah runtuh kawasan kajian.

Ciri / Potensi	Rendah	Sederhana	Tinggi	Sangat Tinggi
Litologi	Granitoid, batu pasir, batu lodak dan syal, batu kapur	Batu pasir, batu lodak, syal, granitoid	Batu pasir, filit, syal, sabak, batuan volkanik	
Guna Tanah	Hutan dan pertanian	Pertanian	Hutan, perbandaran, pertanian,	
Ketumpatan Lineamen	<1000 m/m^2- 3000 m/m^2		1000 m/m^2- > 4000 m/m^2	2000 m/m^2 - > 4000 m/m^2
Jenis Tanah	Lempung berpasir kasar-lempung	Lempung berpasir halus-lempung	Lom lempung berpasir halus-lempung	
Zon Penimbal Sesar	>150 m		< 50 m – 150 m	<50 m
Kecuraman Cerun	0˚-5˚	5˚-26˚	26˚->35˚	>35˚
Ketumpatan Saliran	2500 m/m^2 -4500 m/m^2	2500 m/m^2 -3500 m/m^2	1500 m/m^2 – 3500 m/m^2	
Purata Hujan Tahunan	<1800 mm-2100 mm	1800 mm-2400 mm		



Rajah 5: Peta Ramalan Potensi Tanah Runtuh kawasan kajian.

Jadual 3: Taburan lokasi tanah runtuh pada setiap zon potensi.

Potensi	Bilangan Tanah Runtuh
Rendah	8
Sederhana	52
Tinggi	44
Sangat Tinggi	19
Jumlah	**123**

Jadual 4: Fungsi kategori yang disediakan pada bar menu pangkalan data.

Kategori Item	Fungsi
Fail	Bagi memudahkan pengguna membuka fail lain, mencetak dan keluar dari pangkalan data
Parameter	Penjelasan bagaimana setiap parameter yang digunakan dalam kajian mempengaruhi kejadian tanah runtuh
Sumber Data	Menyediakan sambungan ke bahagian penyimpanan data mentah
Pertanyaan	Maklumat berkenaan pembangun pangkalan data serta memuatkan model-model analisis tanah runtuh yang lain

Rajah 6: Antaramuka utama dan bar menu Pangkalan Data Tanah Runtuh.

RUJUKAN

Abdullah Embong. 2000. Sistem pangkalan: konsep asas, rekabentuk & pelaksanaan. Ed. Ke-2. Selangor: Tradisi Ilmu Sdn. Bhd.

Dai, F. C., Lee, C.F. & Ngai, Y.Y., 2002. Landslide risk assessment and management: an overview. Engineering Geology, 64, 65-87.

Jasmi Ab Talib, 2004. Landslide hazard zoning mapping using remote sensing and GIS techniques. Malaysia-Japan Symposium on Geohazards and Geoenvironmental Engineering Recent Advances, pp. 19-24.

Lee, S. & Jasmi Ab Talib. 2005. Probabilistic landslide susceptibility and factor effect analysis. Environmental Geology, 47, 982-990.

Mantovani, F., Soeters, R. & Westen, C.J.V., 1996. Remote sensing techniques for landslide studies and hazard zonation in Europe. Geomorphology, 15, 213-225.

Norbert Simon, Juhari Mat Akhir & Azlikamil Napiah, 2006. Penggunaan sistem maklumat grografi dalam permodelan tanah runtuh menggunakan kaedah DRASTIC di sepanjang Lebuhraya Pantai Timur km160-km190. Persidangan Bersama Geosains UKM-ITB, pp. 218-220.

Rib, H.T. & Ta, L., 1978. Recognition and Identification. In: Schuster, R.L. & Krizek, R.L. (Eds.). Landslides Analysis and Control Special Report 176, Washington, National Academy of Sciences, p. 34-79.

Manuscript received 5 April 2007
Revised manuscript received 15 May 2007

Jadual 5: Fungsi kategori yang disediakan pada antaramuka pangkalan data.

Kategori Item	Fungsi
Teori	Memuatkan ringkasan penerangan tentang konsep-konsep kajian
Info Kawasan Kajian	Penerangan tentang latarbelakang kawasan kajian
Kaedah Kajian	Carta alir metodologi kajian yang digunakan
Lokasi Tanah Runtuh	Lokasi-lokasi tanah runtuh yang dicerap di lapangan
Hasil dan Perbincangan	Perbincangan mengenai peta ramalan potensi tanah runtuh yang dihasilkan berserta dengan data-data perbandingan



Rajah 7: Contoh-contoh item yang terdapat pada bar menu pangkalan data (a) penerangan parameter litologi, (b) model tanah runtuh, (c) data vektor dalam bentuk peta, (d) data mentah dan (e) profil pembangun pangkalan data.



Rajah 8: Contoh-contoh item yang terdapat pada antaramuka pangkalan data (a) teori, (b) kaedah kajian, (c) hasil dan perbincangan, (d) lokasi tanah runtuh kerjalapangan dan (e) model elevasi digit kawasan kajian.

CATATAN GEOLOGI
GEOLOGICAL NOTES

Pemetaan ramalan potensi tanah runtuh di sepanjang km160-190 Lebuhraya Pantai Timur dengan pendekatan Sistem Maklumat Geografi: Kaedah statistik

Tan Han Kee*, Juhari Mat Akhir dan Azlikamil Napiah, Norbert Simon

Program Geologi, Pusat Pengajian Sains Sekitaran & Sumber Alam
Fakulti Sains & Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan
*hkk15a110@yahoo.com

Abstrak — Kajian pemetaan ramalan potensi tanah runtuh merupakan komponen asas untuk pengurusan risiko bencana alam dan bertujuan untuk mengenalpasti kawasan risiko kejadian tanah runtuh. Kertas ini menyumbang secara komprehensif mengenai pengezonan ramalan potensi tanah runtuh di sepanjang km 160 hingga ke 190 Lebuhraya Pantai Timur, Pahang dengan pendekatan Sistem Maklumat Geografi. Objektif utama kajian ini adalah untuk menentukan sumbangan atau nilai pemberat pada setiap kelas dalam faktor dan antara faktor-faktor itu sendiri dengan kaedah statistik. Adalah penting untuk mengenalpastikan faktor-faktor penyumbang kepada tanah runtuh dan faktor-faktor tersebut perlu digunakan sebagai parameter input untuk membangunkan peta ramalan potensi tanah runtuh. Parameter-parameter tersebut terdiri daripada darjah kecerunan, ketumpatan saliran, ketumpatan lineamen, zon penimbal sesar, jenis litologi, taburan hujan tahunan, jenis tanah, jenis guna tanah dan jalanraya. Kajian ini menggunakan statistik bernama kaedah Nilai Maklumat. Kaedah ini merupakan suatu kaedah pengelasan potensi tanah runtuh berdasarkan taburan tanah runtuh yang pernah berlaku dengan pengiraan secara matematik. Peta ramalan potensi tanah runtuh dihasilkan berdasarkan kepada kaedah Nilai Maklumat dan diklasifikasikan kepada lima zon potensi tanah runtuh, iaitu sangat rendah, rendah, sederhana, tinggi dan sangat tinggi. Peta-peta ramalan yang dihasilkan kemudiannya dibandingkan secara kualitatif dan kuantitatif dengan data lokasi sejarah tanah runtuh. Kaedah Nilai Maklumat ini adalah berdasarkan ketumpatan tanah runtuh sebenar yang berlaku dan menunjukkan keputusan yang boleh dipercayai dengan "correlation coefficient" bernilai 0.87.

Abstract — Landslide potential prediction mapping is a fundamental component of hazard management and to identify area with high risk of landslides. This paper present the result of a comprehensive study on landslide potential zonation along km 160 to 190 of East Coast Highway, Pahang using Geographic Information System (GIS) approach. The main objective of this research study is to determine the contribution or weightage of each class of the factor and between the factors itself with statistical method approach. It is crucial that the essential factors contributing to landslide is to be identified and used as the input parameters for the construction of landslide potential prediction map. The parameters are slope gradient, drainage density, lineament density, fault zones, types of lithology, rainfall distribution, soil type, landuse and road. This study applied statistical method, namely information value method where it was used as a landslide potential classification tool based on the of distribution of landslide event with matematical calculation. A landslide potential map was developed based on the information value method and classified into five different potential zones namely very low, low, moderate, high, and extremely high. The map produced was qualitatively and quantitatively compared to the location of the historical landslide. The information value method is based on the density calculation of the real historical landslide and showed reliable result with a correlation coefficient value of 0.87.

PENDAHULUAN

Secara umum, GIS merupakan satu set peralatan yang berkeupayaan untuk mengumpul, menyimpan, mengurus, memperolehi, mengubah atau meminda, memapar serta menganalisis data-data ruang daripada dunia sebenar kepada set-set tertentu mengikut kepentingan kajian (Burrough, 1989).

Keperluannya semakin meningkat berikutan dengan peningkatan bencana tanah runtuh akibat daripada pembangunan yang ketara. Di Malaysia, beberapa kajian tanah runtuh dengan menggunakan GIS telah dilakukan oleh Jasmi (1997), Lim *et al*. (2004), Azlikamil *et al*. (2004). Berdasarkan analisis pengezonan potensi bencana tanah runtuh, bencana dapat diramal dan dapat mengurangkan atau meminimumkan kejadian tanah runtuh.

Satu kajian pemetaan ramalan potensi tanah runtuh telah dilakukan di sepanjang Lebuhraya Pantai Timur pada km 160 hingga km 190, Pahang. Keluasan keseluruhan kawasan kajian ialah 504 km^2. Secara umum, geologi kawasan kajian terdiri daripada Lapisan Seri Jaya, Formasi Semantan, Kumpulan Tembeling, rejahan asid intrusif, batuan volkanik dan endapan Kuarterner. Sebahagian besar kawasan kajian bertopografi sederhana hingga tinggi. Purata taburan hujan tahunan bagi kawasan kajian berjulat daripada 1900 mm – 2500 mm.

BAHAN DAN KAEDAH KAJIAN

Dua imej satelit Landsat TM yang diambil pada tahun 2004 (126057, 126058), tiga peta topografi tahun 1992 yang bernombor siri 4158, 4159 dan 4259 (skala 1: 50 000), peta geologi Semenanjung Malaysia tahun 1985 (JMG, 1985), data taburan hujan 2000–2005 Pahang, peta jenis tanah serta peta guna tanah 2002 telah digunakan untuk menghasilkan peta tematik terbitan.

Peta tematik terbitan yang diperolehi adalah seperti darjah kecerunan, ketumpatan saliran, ketumpatan lineamen, zon penimbar sesar, geologi, jenis tanah, guna tanah, jalanraya dan taburan hujan (Rajah 1) yang merupakan faktor penyumbang kepada kestabilan cerun. Kajian ini mengaplikasikan kaedah statistik yang terdiri daripada model nilai maklumat untuk menghasilkan peta ramalan potensi tanah runtuh.

Kaedah statistik ini memerlukan penyediaan satu peta taburan tanah runtuh (Rajah 2) yang dihasil dengan tafsiran 77 fotograf udara 1966 (bernombor siri L73N C52 63-73, L74S C52 156-167, L75S C50 63-72, L76S C50 80-88, L77N C105 144-155, L78S C46 74-80, L78S C33 58-63 dan L79S C33 49-57) yang berskala 1: 25000. Formula untuk kaedah nilai maklumat ditunjukkan seperti berikut:

$$I_i = \ln \frac{S_i/N_i}{S/N}$$

$$= \frac{\textit{Ketumpatan tanah runtuh dalam kelas}}{\textit{Ketumpatan tanah runtuh dalam keseluruhan peta}}$$

Di mana,

I_i = nilai maklumat yang berasosiasi dengan pembolehubah X_i

S_i = nombor piksel dengan tanah runtuh yang berasosiasi dengan pembolehubah X_i

N_i = nombor piksel bagi pembolehubah X_i

S = jumlah nombor piksel dengan tanah runtuh

N = jumlah nombor piksel

Peta ramalan potensi tanah runtuh yang dihasilkan kemudiannya dikelaskan kepada 5 kelas, iaitu sangat rendah, rendah, sederhana, tinggi dan sangat tinggi potensi. Data akhir akan dibandingkan dengan data lokasi kejadian tanah runtuh untuk menunjukkan ketepatan dan kejituan bagi peta potensi yang dihasilkan.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Peta ramalan potensi tanah runtuh dan hasil analisis bagi kaedah Nilai Maklumat ditunjukkan dalam Rajah 3, 4 dan Jadual 1. Berdasarkan hasil yang ditunjukkan, didapati bahawa tanah runtuh yang pernah berlaku lebih tertumpu pada zon yang diramalkan potensi sederhana.

Jadual 1: Hasil peratusan zon potensi tanah runtuh bagi kaedah nilai maklumat dan pemberat berdasarkan bukti dengan taburan tanah runtuh pada setiap zon.

	Nilai Maklumat	
Potensi	Bilangan	Peratusan (%)
Sangat Rendah	7	13.9
Rendah	24	36.1
Sederhana	84	46.4
Tinggi	2	1.6
Sangat Tinggi	6	1.9
Jumlah	123	100.0

Walaupun peratusan bagi kawasan yang diramalkan tinggi hingga sangat tinggi adalah rendah, namun ia masih terdapat tanah runtuh yang berlaku di mana bilangan tanah runtuh yang berlaku dalam zon berkenaan adalah tinggi jika dibanding secara relatif dengan keluasannya. Penilaian kejituan bagi model Nilai Maklumat telah dijalankan secara kualitatif dan kuantitatif. Di mana bagi kuantitatif, perbandingan dengan pendekatan kaedah "Correlation Coefficient" telah dilakukan dan ia memberi nilai "Correlation Coefficient" 0.87.

KESIMPULAN

Sebanyak 9 parameter penyumbang tanah runtuh telah dikenalpasti dan digunakan sebagai peta tematik terbitan kajian ramalan potensi tanah runtuh. Parameter-parameter tersebut adalah darjah kecerunan, ketumpatan saliran, ketumpatan lineamen, zon penimbar sesar, geologi, jenis tanah, guna tanah, jalanraya dan taburan hujan. Perbandingan kaedah Nilai maklumat menggunakan "Correlation Coefficient" menunjukkan bahawa kejituan bagi model Nilai Maklumat adalah tinggi dan sesuai digunakan untuk menunjukkan ramalan potensi tanah runtuh di sepanjang km 160-190 LPT.

RUJUKAN

Azlikamil Napiah, Juhari Mat Akhir, Ibrahim Abdullah & Abdul Ghani Rafek, 2004. Potential Slope Failure Mapping: A GIS Approach. Malaysia-Japan Symposium on Geohazards and Geoenvironmental Engineering-Recent Advances, pp. 93 – 96.

Burrough, P. A., 1989. Principles of Geographical Information Systems for Land Resources Assessment. New York: Oxford University Press Inc.

Jasmi, A. T., 2000. Landslide Hazard Zonation Mapping Using Statistical Approach. Proceeding Annual Geological Conference 2000, pp. 235 – 240.

Lim, C. S., Ibrahim Komoo & Pereira, J.J.. 2004. Landslide Inventory and Analysis for Klang Valley Province, Malaysia. Malaysia-Japan Symposium on Geohazards and Geoenvironmental Engineering – Recent Advances, pp. 79 -83.

Maselli, F. A. Rodulf & Conese, C., 1996. Fuzzy classification of spatially degraded Thematic Mapper for the estimation of sub-pixel component. International Journal of Remote Sensing, 17, 537-551.



Rajah 1: Peta tematik terbitan yang diperolehi terdiri daripada darjah kecerunan, ketumpatan saliran, ketumpatan lineamen, zon penimbar sesar, geologi, jenis tanah, guna tanah, jalanraya dan taburan hujan



Rajah 2: Peta taburan tanah runtuh yang bertujuan untuk kerja penganalisan secara statistik. Maklumat ini diperolehi daripada penafsiran fotograf udara.



Rajah 3: Peta potensi ramalan tanah runtuh bagi kaedah nilai maklumat dengan lokasi tanah runtuh yang pernah berlaku di kawasan kajian.



Rajah 4: Carta Palang bagi perbandingan antara taburan tanah runtuh dengan keluasan zon potensi.

Manuscript received 5 April 2007
Revised manuscript received 11 May 2007

Aquifer and ferric spring deposits south of Miri, Sarawak: Impact on facies characterisation of coastal sediments

Franz L. Kessler[1*] & Eswaran Padmanabhan[2]

[1]57 Prestige Lauging Waters, Ramagondanahalli Varthur Main Road, 560066 Bangalore White Fields – Karnataka, India
[2]Curtin University Of Technology, Sarawak Campus
CDT 250, 98009 Miri, Sarawak, Malaysia
*E-mail address: armadillo32@hotmail.com

Abstract — Observations on artesian springs indicate the presence of at least three groundwater bodies that are chemically distinct. Artesian springs are observed from both high and low iron-content ground waters. Fe^{2+} rich groundwater is rapidly oxidized at surface, and orange deposits of Fe^{3+} minerals are precipitated. These are either parallel-layered, or form concentric ferric conglomerates in coastal caves. Once eroded, Fe-coated pebbles are scattered along the coast and embedded in recent sediments. Similar deposits are also seen in the Late Miocene Lambir and Miri formations. Field observations supportive the idea of a strong tidal influence on the dynamics of aquifers, and iron mobility in coastal areas. Re-deposition of the Fe in oxidized form could be in combination with other metallic cations, anions or even in chelated forms with organics. The reduction and movement of Fe in aquifers, and iron deposits (coated pebbles, filled burrows) could be linked to the facies signature of coastal Miocene rocks, as it does in present-day sediments. This process might be related to the development of source rocks in coastal offshore deposits.

INTRODUCTION

The areas south of Miri are characterized by a plateau, where young alluvial sediments overly the folded and monoclinally dipping Late Miocene to Pliocene Lambir and Tukau clastics (Figure 1A). The uppermost two meters of the plateau sediment is formed by a dark iron oxide stained, and occasionally strongly bleached (podsolized) sand layer. Given that the clastics appear to have undergone several cycles of weathering and lithification, iron in these materials is evidently allochtonous. In addition, it has been often debated to what extent migration of iron-bearing fluids might contribute (directly or indirectly) to the creation of algal source rock in coastal and shallow offshore areas.

The current research was carried out to establish a possible link between fluctuations in ocean tides and the occurrence of springs within a distance of 2 km from the coastline. Another objective was directed to the question if iron deposits, as studied in recent sediments, might qualify as indicator for a specific facies environment.

MATERIALS AND METHODS

The study area is located in the southern part of Miri, Sarawak. The rock formations here comprise the Mid-Late Miocene sedimentary beds of the Lambir and Tukau Formations that contain Fe-concretions or other forms of Fe accumulation. Representative rock and water samples were collected for evaluation, from the Mio-Pliocene sequences and the overlying plateau sands. Emphasis was given to recent spring deposits within the inter-tidal and supra-tidal realms.

Eight water samples were collected using new 250 ml polypropylene containers between the hours of 6:30 am and 10:00 am on the same day. These were refrigerated and sent for analyses within 24 hours of collection. Most of the samples were brownish in color, a few were colorless. A simple analysis was carried out in the Sarawak Shell Berhad laboratory, but these data have not been released for publication to date. Therefore, the results of the analyses are not presented in this paper. Qualitative observations from 2005 onwards were carried out by the senior author on the brown slicks that were seen appearing on the Kampong Sewajaya lake, which is located ca. 7 m above sea level. The preliminary results of the ongoing study are presented here.

RESULTS AND DISCUSSION

Aquifers and Iron Migration

The area south of Miri receives some 5000 – 8000 mm of annual rainfall, which leads to a rapid washout of topsoil layers. As shown in Figure1B, three aquifer layers are observed:

1. Seawater: changing from fully marine to brackish water, and even freshwater depending on the discharge of the Batang Baram; the rapid changes in salinity

Figure 1A: Aerial view of the coastal section SW of Miri. Gently dipping sediments of the Miri and Tukau formations are overlain by terraces and young alluvial sediments upon two unconformities. The cover layer on terraces are often completely bleached, or alternatively, dark coated with iron oxide.



Figure 1B: Simplified coastal NW-SE section, near Kampong Siwak Jaya.



Figure 2: Soil profile as seen in an outcrop of the Sungai Rait valley. The uppermost layer of the profile is formed by white, bleached sand, indicating that all iron content has been removed.

Figure 3: As high-tide approaches, a very thin shiny layer of orange-colored Fe^{3+} minerals forms on the lake's surface. In local folklore, these eruptions of red or orange-colored brines are often called as the 'Blood of the Naga.'

characterize an environment where only few species can survive;

2. A layer of groundwater, low in oxygen and rich in Fe^{2+}; this level is in pressure communication with the marine realm;
3. A shallow layer of very freshwater, the immediate filtrate from rainfall.

It is to be noted that the term artesian is used when groundwater rises in a well above the level where it was initially encountered (Lutgens and Tarbuck, 2006). This in turn can occur when either the aquifer is exposed to the surface at one end or aquitards are present on either side of the aquifer to prevent the water from escaping. In the study area, pressure-confining layers are formed by claystone layers within the Lambir and Tukau formations. However, the described artesian effect is not only caused by stratigraphy, but equally due to incision by river systems, resulting in elongated remnants of plateau that separate the shoreline from the (low-lying) hinterlands. The Fe-laden aquifers belong to these semi-isolated incised plateaus, and respond with an artesian flow-out, as soon as pressure builds up within the aquifer due to the rising tide

Where permeable sandstone is found in a crestal position, podsolization occurs. As shown in Figure 2, the sand in the uppermost meters is often thoroughly bleached. Fe^{2+} sulfides in near-surface black clay-stone beds are oxidized, with iron oxides, and smaller clay particles (coherent clay layers resist better) are being mobilized and removed. The iron could migrate to deeper aquifer levels in a process that is poorly understood in this locality, or be leached out onto surrounding areas, not excluding coastal areas.

Qualitative observations from 2005 onwards showed that at a given time of the day, brown slicks were seen appearing on the Kampong Sewajaya lake, which is located ca. 7 m above sea level. In the last year (2007/2008), a systematic check indicated that the appearance of the Fe-rich slick coincided with the onset of high tide, and was fluctuating with changes in tide-levels everyday. It can be concluded that there is no other known process that could cause this shifting pattern, apart from seasonal fluctuations and rainfall etc.

Observations have shown that the Fe^{2+} rich water layer is hydraulically linked to the fluctuations in seawater levels. Artesian spring activity is seen coinciding with the high tide. As shown in Figure 3, ferric slurry forms every day on the surface of a fishpond on the southern side of the Siwak Jaya plateau. As high tide approaches, tiny platelets of shiny or orange-colored iron oxide precipitates appear on the lake's surface.

Figure 4A: Massive artesian outpouring of oxidized Fe^{3+} precipitate-rich groundwater, as documented here near to the Tusan cliffs, Headlands II area.



Figure 4B: puddles of artesian orange-colored Fe^{3+} coated groundwater and sediment, inter-tidal zone, near Tanjung Batu.

Simple weight measurements (Fe-slurry water in comparison to clean tap water) indicate that the Fe^{3+} oxide content is in the order of 6 g/liter. If allowed to dry, the voluminous orange precipitate forms a very thin coating of yellow-orange on any substratum, be it sand, wood, stone or even plastic bottles.

In the lake, the orange precipitate floats on the surface. After an hour or two, a gradual color change from orange to dark green is observed, possibly indicating a sudden algal bloom. Fresh orange-coated water is devoid of any smell; the greenish algal derivate, however, emits a strong organic smell (if left to decay in a sample bottle). Three hours later, the layer sinks to the pond's bottom and the surface is clear again. Potentially, this process (extrusion of iron-rich fluids, algal bloom, deposition) could lead to the formation of source rock, although further evidence is required to support this hypothesis. Variations in the color of the slurry indicate compositional changes that could range from metallic bonds to chelated forms.

Massive outpourings of stained groundwater also occur along the coastline, within or above the intertidal zone (Figures 4A & 4B). These waters mix with the incoming tide. Interestingly, the outflow of Fe^{2+} rich

Figure 5A: Layered iron mineral carpets, precipitated recently from iron-rich run-offs in the Tusan/Tanjong Batu area. Iron oxide carpets are typical for the supra-tidal realm, where little or no sediment reworking occurs.

Figure 5B: Small cove near Headland II that shelters pebbles - likely formed from the cave-roof material, or washed in from the vicinity. The brown composite layer is formed by pebbles that are glued together by ferric oxides, precipitating from groundwater seeps in the cave's rear part. Nodular iron-oxide stained conglomerates form in inter-tidal caves: Nuclei are commonly sandstone pebbles originating from the cave's sandstone walls, whilst the iron oxide coatings are reworked precipitates originating from subterraneous iron-laden springs.

fluids is nearly completely independent from precipitation events.

Clear artesian water, however, belongs to the shallowest aquifer, appearing shortly after strong rainfall. No iron-rich deposits originate from these springs.

Contemporaneous Deposits

Iron deposits are either layered (Figure 5A), or concentric-nodular (Figure 5B). Layered deposits are characteristic for the supra-tidal realm, where there is little reworking, and the iron oxides can precipitate quietly and form layered carpets.

Nodular accretions and stained conglomerates, however, are formed in inter-tidal subterraneous caves. The coastline between the Tusan and Peliau beaches

Figure 6: Fe-stained sandstone pebbles and ophiomorpha burrows as seen in the Tanjong Lobang outcrop in Miri, Sarawak. This outcrop (Miri Fm) is of Late Miocene age.

offers a large number of such caves showing a complete sequence of processes: deposition of iron-oxide precipitation; hardening as layers and coatings. Given the rapid contemporaneous erosion of the coastline, such caves are quickly eroded and iron-stained pebbles and broken-up iron-oxide layers are scattered along the beach by long-shore currents for several hundreds of meters, if not kilometers.

Fossil Deposits

